

Minit Mesyuarat Khas Langganan Pangkalan Data Komersil Tajaan MOHE

Tarikh : 10 September / Isnin
Masa : 9.00 pagi - 12.00 tengahari
Tempat : Bilik Mesyuarat PTAR 1, UiTM Shah Alam

Yang Hadir

Pn. Hajjah Paiza Idris (UiTM) - Pengerusi PERPUN
Pn. Hajjah Nooraini Ismail (UIAM) - Pengerusi JKPDK
Pn. Lela Ruzma Mohd Shaari (wakil UKM)
Pn. Arinawati Ayob (wakil USM)
En. Muzaffar Shah Kassim (wakil UPM)
En. Mahbob Yusuf (wakil UM)
Tn. Hj. Ruslan Che Pee (Univ. M'sia Pahang)
Pn. Wan Kartini Wan Sulaiman (wakil UPSI)
En. Anuar Bin Talib (wakil UTM)
Pn. Marhaniza Abdul Halim (wakil USIM)
Pn. Mazmin Mat Akhir (wakil Univ. M'sia Perlis)
Pn. Nordiah Musa (wakil UTHM)
Cik Yafiza Abdul Halim (wakil Univ. Pertahanan M'sia)
Pn. Siti Khabshah Masrom (wakil MMU)
Pn. Korina Ibrahim (wakil UNIMAS)
En. Salleh Hudim Mustaffa (wakil UUM)
En. Shuhaimi Hj. Abu Hassan (UNITEN)
Pn. Rozita Ramli (wakil OUM)
Pn. Nor Aziah Abdullah (UiTM)
Pn. Noorhasimah Aris (UIAM) - Setiausaha

Tidak Hadir Dengan Kenyataan

En. Azman Hashim (Univ. M'sia Kelantan)
Cik Hjh Aishah Mohd Nasir (KUSTEM)
Cik Siti Noor Kiah Syed Abd. Malek (Univ. Teknikal M'sia Melaka)
Pn. Che Salmah Mehmood (Univ. M'sia Sabah)

PENDAHULUAN

Puan pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kedatangan kepada semua perwakilan yang hadir. Puan Pengerusi telah memberi penerangan ringkas tentang latar belakang Langganan Pangkalan Data sehingga kepada kelulusan oleh pihak MOHE. Mesyuarat juga telah dimaklumkan bahawa empat institusi GLC iaitu MMU, UTP, OUM dan UNITEN akan turut serta.

AGENDA

1. Penyediaan Laporan Penggunaan

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa keempat-empat pembekal telah bersetuju untuk menyerahkan laporan penggunaan pada setiap minggu pertama setiap bulan (7th day of each month). Laporan statistik haruslah meliputi perkara-perkara seperti: “sessions, hits dan searches”. Penyediaan kumulatif bulan Jun dan Disember adalah bagi penyerahan kepada MOHE. Bentuk laporan yang perlu di sediakan oleh pembekal adalah meliputi “online” dan “printed”. Setiap laporan ini haruslah dihantar kepada semua institusi yang terlibat. Semakan secara “online” boleh dilakukan oleh semua pustakawan dari institusi-institusi yang berkenaan. Manakala laporan consortium perlu di ajukan kepada Pn. Nooraini Ismail (IIUM) dan Pn. Paiza Idris (UiTM).

2. Hak Akses kepada semua ahli JKPDK

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa pihak pembekal telah bersetuju untuk memperuntukkan hak akses kepada semua ahli seperti berikut:

- a) IEEE dan BLISS telah memperuntukkan 50 “concurrent user licenses”
- b) PROQUEST dan EBSCO pula memperuntukkan “unlimited access”

Manakala dari segi penetapan harga, adalah dipersetujui oleh keempat-keempat pembekal bahawa tiada sebarang kenaikan harga yang akan dikenakan walaupun jumlah bilangan intitusi telah bertambah dari 18 buah kepada 22 buah (IPTA + IPTS)

3. Arkib Isu-isu Kebelakangan

Mesyuarat telah dimaklumkan oleh pembekal-pembekal berhubung dengan perkara ini seperti berikut:

- a) IEEE - menyediakan akses ”back files” sebelum tahun 1930. Walaubagaimanapun IEEE akan cuba mendapatkan maklumat lanjut berhubung dengan hak “back-up”.

- b) BLISS dan EBSCO - Akses kepada "back-issues" boleh diperolehi setiap hari. Walaubagaimanapun, jika langganan diberhentikan, "password" untuk akses tidak akan diberikan/diberhentikan.
- c) PROQUEST - tiada peruntukan polisi untuk "archival"

4. Pertindihan langganan

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kesemua pembekal bersetuju mengenakan harga pro-rata (pro-rated price) kepada semua instansi yang terlibat. Sebarang perbezaan dari segi tempoh langganan akan di-pro-ratakan dan pembayaran balik akan dibuat bagi setiap baki bulanan yang terlibat.

5. Hal-hal lain

Beberapa isu telah disentuh, dan diantaranya adalah berhubung dengan penyediaan latihan oleh pembekal. Sehubungan dengan ini pembekal-pembekal telah sebulat suara bersetuju seperti berikut:

5.1 Latihan

- a) IEEE - penyediaan latihan akan dibuat berdasarkan permintaan
- b) BLISS, EBSCO dan PROQUEST - satu latihan wajib akan disediakan manakala latihan-latihan yang berikutnya adalah berdasarkan permintaan dari institusi-institusi yang terlibat.
- c) Kesemua pembekal dikehendaki menyediakan serta menyerahkan bahan latihan berbentuk "soft copy" (power-point), poster, risalah serta lain-lain bentuk maklumat yang berkaitan.
- d) Training for trainers (TOT) - Pembekal telah bersetuju untuk menyediakan latihan ini, dan adalah dikehendaki institusi-institusi yang terlibat agar memaklumkan kepada pihak pembekal terlebih dahulu dan sebaik-baiknya seminggu "in-advance"
- e) Adalah disarankan agar perkara latihan di masukkan sebagai salah satu perkara di dalam perjanjian/Agreement

5.2 Sebut harga/Quotation, Inbois dan Surat Perjanjian (Agreement)

Kesemua pembekal dikehendaki menyediakan quotation, inbois dan surat perjanjian dan dihantar kepada Puan Pengerusi secepat mungkin. Adalah dipersetujui sebut harga/quotation haruslah bermula dari 1 Januari - 31 Disember 2008. Manakala isu berhubung dengan perjanjian, telah dipersetujui bahawa pihak pembekal akan menyediakan perjanjian tersebut dan perkara-perkara yang harus terkandung didalamnya adalah seperti berikut:

- a) Latihan
- b) Hak Akses - "Unlimited" dan 50 password setiap perpustakaan
- c) Tempuh perjanjian adalah selama satu tahun
- d) Inbois dan surat perjanjian haruslah dialamatkan kepada MOHE dan salinan kepada Pengerusi PERPUN dan Pengerusi JKPKD
- e) Akses secara percuma (FOC) kepada MOHE (username, password, IP)

5.3 Pembentukan ahli jawatan kuasa kerja PDK-MOHE

Mesyuarat telah bersetuju untuk membentuk satu jawatan kuasa kerja berhubung dengan PDK langganan khas. Diantara ahli-ahli yang terlibat adalah:

- a) Pn. Noraziah Abdullah (UITM)
- b) Pn. Noorhasimah Aris (UIAM)
- c) En. Mahbob Yusuf (UM)
- d) Pn. Korina Ibrahim (UNIMAS)
- e) Pn. Mazmin Mat Akhir (Univ. M'sia Perlis)
- f) En. Muzaffar Shah Kassim (UPM)
- g) Pn. Siti Khabshah Masrom (OUM)
- h) Pn. Khairulbahiyah Yaakub (UTM)
- i) Pn. Nordiah Musa (UTHM)

Diantara perkara-perkara serta ruang lingkup yang perlu diberi perhatian oleh jawatan kuasa kerja ini adalah seperti berikut:

- a) "Vendor performance"
- b) Aspek latihan untuk semua institusi yang terlibat
- c) Statistik penggunaan
- d) "Licensing"
- e) "Accessibility"
- f) Harga
- g) Langganan judul baru
- h) Penyediaan laporan untuk diajukan kepada MOHE

Sehubungan dengan ini juga ahli jawatan kuasa boleh membuat keputusan terhadap mana-mana pangkalan data yang hendak dilanggan.

5.4 Langganan untuk tahun 2009

Mesyuarat telah dimaklumkan, bahawa MOHE telah bersetuju memberi penambahan sebanyak RM10 juta bagi pembiayaan langganan untuk tahun 2009. Sehubungan dengan ini, mesyuarat telah mengusulkan serta menyenaraikan beberapa pangkalan data untuk dipertimbangkan bagi tahun 2009. Diantara pangkalan data tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Science Direct
- 2) One time purchase back-file of Science Direct
- 3) Emerald Extra
- 4) OVID
- 5) ACM
- 6) Lexis-Nexis
- 7) E Books - Springer 2009
- 8) E Books - 24 x 7
- 9) E Books - Science Direct
- 10) Serials Solution

Dari tajuk-tajuk yang telah disenaraikan diatas, mesyuarat telah bersetuju untuk menyenarai pendek empat pangkalan data untuk dipertimbangkan bagi langganan 2009. Tajuk-tajuk tersebut adalah:

- 1) Emerald Extra
- 2) ACM
- 3) One time purchase Science Direct back files
- 4) E Books - 24 X 7

Berhubung dengan perkara ini, AJK kerja disarankan agar menyediakan maklumat berhubung dengan harga dan memohon sebut harga/Quotation dari pembekal.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari dengan ucapan terima kasih dari pengerusi dengan disertai bacaan surah Al-Asr.